

Penuntut didakwa buat hantaran ugut bunuh PM ke-8

AMPANG - Seorang wanita tempatan yang bekerja sebagai pembantu klinik di Singapura mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas pertuduhan membuat hantaran jelik untuk membunuh Perdana Menteri kelapan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tiga tahun lepas.

Tai Zee Zing, 31, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Mengikut pertuduhan, wanita itu yang menuntut di peringkat diploma dalam jurusan pengurusan perniagaan di Singapura, didakwa membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik sifatnya di Facebook iaitu '*Can hired killer to kill new prime minister*' di profil Facebook Penny Tai dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain, pada jam 12.35 tengah hari, 1 Mac 2020.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Amir Abdul Hamid mencadangkan tertuduh diberi ikat

jamin sebanyak RM20,000 dan mengenakan syarat tambahan iaitu melaporkan diri di balai polis berdekatan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam, Rajsurian Pillai merayu kadar itu dikurangkan kerana Zee Zing masih belajar selain membantu menanggung ibu bapa.

"Memandangkan dia perlu berulang alik ke Singapura, saya bantah syarat tambahan yang dicadangkan," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Wan Mohd Norisham membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 20 Disember depan.

Untuk rekod, Muhyiddin secara rasmi menjadi Perdana Menteri kelapan pada 1 Mac 2020 dan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.



Zee Zing didakwa di Mahkamah Sesyen Ampang pada Rabu.